

## KATA GANTI NAMA DIRI BAHASA SUNGAI LABUK-SUGUT: TINJAUAN BENTUK DAN FUNGSI SINTAKSIS

*KARTINI ABD WAHAB\**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[kartini@ukm.edu.my](mailto:kartini@ukm.edu.my)

*MASLIDA YUSOF*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### ABSTRAK

Setiap bahasa mempunyai sistem untuk merujuk pihak yang terlibat dalam perbualan, sama ada penutur, pendengar, atau pihak ketiga. Sistem ini dikenali sebagai kata ganti nama diri (KGND), yang berperanan penting dalam menyampaikan makna rujukan, hubungan sosial, serta struktur sintaksis sesebuah bahasa. Bahasa Sungai sebagai bahasa peribumi yang dituturkan oleh etnik Sungai di Sabah, juga mempunyai sistem KGND yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kajian terhadap aspek KGND bahasa ini masih kurang dijalankan secara khusus, memandangkan penelitian terdahulu lebih berfokuskan dokumentasi leksikal, cerita rakyat, pembelajaran bahasa, sosiolinguistik dan aspek fonologi bahasa Sungai. KGND wajar diteliti kerana ia bukan sahaja berperanan dalam struktur sintaksis, tetapi juga menzahirkan hubungan sosial, maksud kepunyaan, dan keterlibatan penutur dalam komunikasi harian. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan bentuk dan fungsi sintaksis KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut. Data bahasa Sungai Labuk-Sugut diperoleh daripada sumber dokumentasi awal oleh King dan King dan dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif. Hasil analisis mendapati bahawa bahasa Sungai Labuk-Sugut mempunyai 16 bentuk KGND iaitu *aku, ku, kito, mai, kai, toko, ko, kou, ikau, dikau, mu, muyu, nio, io, siro, dan nosiro*. KGND dalam ayat bahasa Sungai Labuk-Sugut, berfungsi sebagai subjek, objek, pemilikan, klitik pada kata nama, mewakili bentuk tunggal mahupun jamak, termasuklah menunjukkan perbezaan antara bentuk inklusif dan eksklusif. Penggunaan KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut memperlihatkan keupayaan sistem rujukan bahasa ini dalam menyampaikan makna secara kontekstual. Kajian ini memberikan sumbangan kepada pemahaman awal mengenai fungsi KGND dalam struktur sintaksis bahasa Sungai Labuk-Sugut. Selain itu, kajian ini juga menyediakan ruang penyelidikan lanjutan mengenai perkembangan bentuk KGND, khususnya dalam konteks penggunaan bahasa peribumi secara kontemporari.

**Kata kunci:** bahasa Sungai Labuk-Sugut; bahasa peribumi; fungsi sintaksis; kata ganti nama diri; etnik Sungai

## PERSONAL PRONOUNS IN SUNGAI LABUK-SUGUT LANGUAGE: AN OVERVIEW OF FORMS AND SYNTACTIC FUNCTIONS

### ABSTRACT

Every language possesses a system for referring to participants in communication, whether these participants are the speaker, the listener, or a third party. This system is known as the personal pronoun system, which plays a significant role in conveying referential meaning, social relationships, and the syntactic structure of a language. The Sungai language, spoken by the Sungai ethnic group in Sabah, possesses its own distinct set of personal pronouns. However, studies on the personal pronoun system in this language remain limited, as past research has predominantly focused on lexical documentation, folk narratives, language learning, sociolinguistics and phonological aspects of the Sungai language. The study of personal pronouns is crucial, as these forms not only serve a syntactic purpose but also reveal social relations, possessive meaning, and speaker involvement in daily communication. Accordingly, this paper aims to discuss the forms and syntactic functions of personal pronouns in Sungai Labuk-Sugut. Data on Sungai Labuk-Sugut were obtained from early documentation by King and King and analyzed using a descriptive approach. The findings show that Sungai Labuk-Sugut employs 16 personal pronouns namely *aku, ku, kito, mai, kai, toko, ko, kou, ikau, dikau, mu, muyu, nio, io, siro, and nosiro*. Personal pronouns in Sungai Labuk-Sugut function as subjects, objects, possessive markers, noun clitics, and markers of singular/plural, including inclusive/exclusive distinctions. The use of personal pronouns in Sungai Labuk-Sugut demonstrates the language's capacity to convey social meaning contextually. This study provides an initial insight into the syntactic roles of personal pronouns in Sungai Labuk-Sugut. Furthermore, it provides opportunities for future research into the development of personal pronoun forms, particularly within contemporary indigenous language usage.

**Keywords:** Sungai Labuk-Sugut language; indigenous language; syntactic function; personal pronouns; Sungai ethnic group

### PENGENALAN

Sabah, yang terletak di utara Borneo, merupakan negeri yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan adat resam. Kepelbagaian ini membentuk landskap budaya yang kompleks yang mencerminkan identiti unik masyarakatnya, khususnya dari aspek bahasa. Berdasarkan Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah (2022), terdapat lebih daripada 80 dialek etnik yang digunakan di negeri ini, di samping dialek Melayu Sabah yang berperanan sebagai bahasa perantara antara etnik (Saidatul Nornis et al., 2022). Menurut King dan King (1984), dianggarkan lebih 50 kumpulan etnolinguistik wujud di Sabah, dengan sebahagian besarnya terdiri daripada etnik peribumi yang menuturkan bahasa-bahasa daripada rumpun Austronesia. Etnik peribumi di Sabah diidentifikasi mengikut kumpulan etnik, dan kebanyakan etnik memiliki sub-subetnik sehingga membentuk kepelbagaian etnik dengan menggunakan bahasa etnik masing-masing (Asmiaty, 2024). Dalam pada itu, Asmah (2004) membahagikan bahasa-bahasa di Sabah kepada lima kelompok utama, iaitu Dusunik, Murutik, Paitanik, Bajau-Sama, dan Melayik.

Kepelbagaian bahasa peribumi di Sabah ini memperlihatkan ciri linguistik yang unik, merangkumi aspek fonologi, sintaksis, morfologi, dan semantik. Ciri-ciri ini berperanan penting

dalam komunikasi harian masyarakat penutur. Salah satu aspek signifikan ialah sistem rujukan namaan (KGND), yang berkait rapat dengan cara penutur menyapa, memanggil, serta menandakan kedekatan atau jarak sosial. Melalui pilihan bentuk KGND, penutur bukan sahaja menyusun struktur ayat, tetapi juga menzahirkan hubungan sosial, peranan wacana, dan identiti masyarakat. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk meneliti bentuk dan fungsi sintaksis KGND dalam variasi bahasa Sungai Labuk-Sugut, sebagai usaha memperluas pemahaman terhadap sistem rujukan namaan dalam landskap bahasa peribumi Sabah. Bahasa Sungai ialah salah satu bahasa peribumi yang dituturkan oleh etnik Sungai, yang lazimnya menetap di lembangan sungai di utara, timur laut, dan barat Sabah (King & King, 1984). Penutur bahasa ini lazimnya dikaitkan dengan kawasan sungai kerana penempatan mereka tertumpu di sekitar sungai utama seperti Kinabatangan, Bengkoka, Labuk, Paitan, Sugut, dan Segama. Selain Kinabatangan, etnik Sungai juga menetap di Beluran, Pitas, Paitan, dan Sandakan. Dalam konteks semasa, masyarakat Sungai tidak lagi terhad kepada kawasan asal, sebaliknya telah tersebar dan menetap di pelbagai lokasi lain di seluruh Sabah.

### SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur, usaha pendokumentasian bahasa Sungai telah dijalankan sejak awal, namun kajian yang bersifat analitis dan spesifik terhadap struktur atau penggunaan bahasa ini masih sangat terhad. Penelitian awal lebih didapati banyak menumpukan kepada usaha dokumentasi asas seperti pengumpulan daftar kata, sebagai langkah pemeliharaan bahasa peribumi. Usaha ini sejajar dengan kesedaran penyelidik Barat tentang kepelbagaian etnik di Sabah, yang turut memberi perhatian kepada bahasa Sungai di beberapa daerah. Beberapa organisasi yang terlibat aktif dalam dokumentasi bahasa Sungai termasuklah Summer Institute of Linguistics International (SIL), Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah, serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Salah satu inisiatif awal yang signifikan ialah penghasilan buku *Sungai Language Lesson* oleh King dan King pada tahun 1985, dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah. Buku yang memfokuskan bahasa Sungai Labuk-Sugut ini, mengandungi 25 topik asas pembelajaran bahasa Sungai, termasuk panduan sebutan, glosari kata, dan contoh perbualan harian yang mencerminkan aspek kehidupan masyarakat Sungai seperti pekerjaan, peralatan rumah, muzik tradisional, makanan, dan nyanyian etnik. Selain maklumat linguistik yang ringkas, buku ini turut memperkenalkan elemen budaya melalui perbualan ringkas dalam bahasa Sungai dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris. Usaha pendokumentasian turut merangkumi cerita naratif tradisional, seperti yang dilakukan oleh King dan King melalui penerbitan yang berjudul, *Sungai Tombunuo Folk Tales* (1990). Buku ini menghimpunkan sepuluh cerita rakyat dalam tiga bahasa iaitu bahasa Sungai Tambunuo, bahasa Malaysia, dan bahasa Inggeris. Mereka juga menghasilkan Kamus Kigambar: Sungai/Tambunuo (1992), sebuah kamus bergambar yang memuatkan senarai kosa kata merangkumi nama haiwan, anggota badan, peralatan harian, nombor, dan kata kerja dalam bahasa Sungai Tombunuo, yang dituturkan di kawasan Labuk-Sugut.

Dari perspektif linguistik, kajian awal terhadap bahasa Sungai di Sabah banyak menumpukan kepada hubungan kekerabatan antara variasi bahasa ini. Miller (1981), Smith (1984), serta King dan King (1984) menggunakan pendekatan leksikostatistik untuk mengkaji bahasa-bahasa peribumi di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Sungai, Tambunuo, dan Paitan berkongsi kadar kognat yang tinggi, iaitu 93 peratus, sekali gus menunjukkan hubungan rapat antara ketiga-tiga bahasa tersebut meskipun terdapat perbezaan leksikal, intonasi, dan

sebutan. Penemuan ini turut mengukuhkan kedudukan bahasa Sungai sebagai sebahagian daripada subrumpun Melayo-Polinesia dalam keluarga Austronesia. Selain itu, King dan King (1984) telah mengenal pasti lima kelompok utama dalam klasifikasi bahasa Sungai, iaitu Sungai/Tambunuo, Lingkabau, Lobu, Abai, dan Ulu Kinabatangan. Kadar kognat yang tinggi antara penutur Sungai, Tambunuo, dan Paitan menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan ini menuturkan bentuk bahasa yang hampir serupa, walaupun wujud variasi tersendiri yang membezakan bahasa-bahasa tersebut.

Dalam dekad 1990-an, kajian fonologi terhadap bahasa Sungai telah dijalankan oleh Abdul Hamid (1993), yang meneliti sistem fonemik bahasa Sungai di daerah Pitas, khususnya di sepanjang lembah Sungai Bengkoka. Hasil analisis menunjukkan bahawa bahasa Sungai di Pitas memiliki 21 fonem, terdiri daripada 15 konsonan, empat vokal, dan dua separuh vokal, serta diklasifikasikan di bawah rumpun Melayo-Polinesia. Kajian ini signifikan kerana ia meneroka aspek fonologi bahasa Sungai di lokasi geografi yang berbeza daripada kawasan Kinabatangan dan Labuk-Sugut, menjadikannya sebagai rujukan awal yang bernilai dalam memahami kepelbagaian dalaman dan variasi fonologi bahasa ini mengikut daerah. Penelitian ini turut memperkukuh pemetaan geolinguistik bahasa Sungai, serta membuka ruang kepada perbandingan antara variasi fonemik yang dituturkan oleh komuniti di kawasan hulu dan pesisir Sabah.

Dalam perkembangan yang lebih mutakhir, sumbangan penting turut diberikan oleh Sitti Rahmah (2015), melalui usaha dokumentasi leksikal bahasa Sungai Paitan yang dituturkan di Kampung Kolapis, daerah Beluran. Usaha ini menghimpunkan sebanyak 2,753 entri kosa kata dan diterbitkan dalam bentuk buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah. Pendekatan yang digunakan menumpukan kepada pengumpulan dan penyusunan daftar kata berdasarkan kategori semantik seperti nama haiwan, tumbuhan, peralatan harian, dan istilah budaya setempat. Kajian ini bukan sahaja melengkapkan usaha dokumentasi terdahulu yang lebih bersifat umum, malah memperkukuh pemahaman terhadap variasi dalaman bahasa Sungai berdasarkan lokasi pertuturan. Dalam konteks sorotan kajian lepas, sumbangan ini menjadi antara rujukan kontemporari yang penting dalam pemeliharaan dan pengembangan bahasa peribumi Sabah secara berterusan.

Selepas fasa dokumentasi leksikal yang menekankan aspek pengumpulan kosa kata dan kategori semantik, penelitian terhadap bahasa Sungai mula berkembang ke arah kajian yang lebih analitis, khususnya dalam bidang sociolinguistik. Menjelang tahun 2017, kajian sociolinguistik dijalankan oleh Siti Rahmah dan Muhamad Husaini. Kajian mereka meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan remaja etnik Sungai di Bukit Garam, Kinabatangan dengan menggunakan kerangka domain Fishman dan Greenfield (1970), iaitu kekeluargaan, persahabatan, pendidikan, dan keagamaan. Penelitian ini juga secara khusus menumpukan variasi bahasa Sungai yang dituturkan di daerah Kinabatangan, menjadikan dapatan lebih relevan dengan konteks geolinguistik kawasan tersebut. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan dalam kebanyakan domain, manakala bahasa Sungai hanya digunakan secara terbatas dalam interaksi kekeluargaan dan rapat, sementara bahasa Arab muncul dalam domain keagamaan kerana faktor agama Islam. Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa termasuk tahap kefasihan berbahasa, persekitaran sosial yang lebih mengutamakan bahasa Melayu, serta ketiadaan sistem pembelajaran formal bagi bahasa Sungai. Kajian ini sekali gus menjelaskan berlakunya peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda Sungai, dengan implikasi terhadap kelestarian bahasa ibunda mereka.

Selanjutnya, kajian semasa terhadap bahasa Sungai mula beralih daripada usaha penerokaan aspek sintaksis. Antaranya ialah kajian tentang struktur sintaksis dan sistem rujukan namaan dalam bahasa Sungai Kinabatangan, yang dijalankan oleh Kartini dan Maslida (2023).

Berdasarkan analisis terhadap rakaman teks naratif lisan, di kampung Sg. Lokan Kinabatangan, mereka mendapati bahawa bahasa Sungai Kinabatangan memperlihatkan dua pola susunan kata dasar yang dominan, iaitu S-K-O (Subjek-Kata Kerja-Objek) dan K-O-S (Kata Kerja-Objek-Subjek). Kehadiran struktur K-O-S ini menunjukkan persamaan dengan beberapa bahasa peribumi lain di Sabah seperti Dusun dan Kadazan. Kajian tersebut turut mengungkap sistem KGND yang bersifat bervariasi dan fleksibel dari segi kedudukan dalam ayat. KGND boleh hadir sebagai subjek di awal ayat atau sebagai objek selepas kata kerja, bergantung pada konteks dan fungsi wacana. Sistem ini juga merangkumi bentuk tunggal dan jamak serta menunjukkan unsur pemilikan, mencerminkan kekayaan sistem rujukan namaan dalam bahasa peribumi ini.

Selain itu, Kartini (2025) pernah membincangkan ciri sintaksis bahasa Sungai Labuk-Sugut, khususnya dominasi pola kata kerja di awal ayat dalam ayat penyata, tanya, dan perintah. Berdasarkan dokumentasi awal oleh King dan King (1985), analisis tersebut menunjukkan bahawa kehadiran kata kerja di awal ayat merupakan ciri penting bagi bahasa peribumi ini, yang turut memperlihatkan persamaan tipologi dengan bahasa Austronesia lain seperti Tagalog. Penelitian ini menandakan peralihan fokus kajian bahasa Sungai daripada dokumentasi asas kepada analisis sintaksis dan wacana, sekali gus memperluas pemahaman terhadap struktur dalaman bahasa peribumi. Kajian ini turut mengenal pasti cabaran pelestarian bahasa Sungai sebagai bahasa minoriti, termasuk kekurangan dokumentasi terkini dan potensi pengaruh peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda penutur bahasa ini. Walaupun masih merupakan kajian awal, ia menyumbang kepada pemahaman tentang aspek sintaksis bahasa Sungai, khususnya variasi Labuk-Sugut, serta menyokong usaha memartabatkan warisan linguistik peribumi di Sabah.

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu, dapat dirumuskan bahawa penyelidikan awal mengenai bahasa Sungai lebih banyak menumpukan kepada pendokumentasian kosa kata/leksikal dan cerita rakyat, penerbitan bahan pembelajaran asas, serta analisis fonologi dan sosiolinguistik. Penelitian terdahulu juga didapati berfokus kepada variasi bahasa Sungai di kawasan Kinabatangan, Labuk-Sugut, Paitan, dan Pitas. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh aspek tatabahasa seperti KGND, penelitian tersebut lebih tertumpu kepada variasi bahasa Sungai di daerah Kinabatangan. Sebaliknya, kajian khusus yang meneliti KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut masih belum dijalankan. Memandangkan Labuk-Sugut merupakan antara daerah penempatan etnik Sungai dan menjadi lokasi penting dalam pendokumentasian awal bahasa ini, maka adalah wajar skop penyelidikan diperluas ke kawasan tersebut. Keseluruhannya, penelitian terhadap KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut bukan sahaja berpotensi memperkaya pemahaman tentang variasi dalaman bahasa ini, tetapi juga menyumbang kepada usaha pemetaan geolinguistik serta pengukuhan identiti etnik dalam konteks bahasa peribumi Sabah.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti bahasa Sungai Labuk-Sugut, sebagai usaha memperluas pemahaman tentang KGND dalam bahasa peribumi ini. Penelitian ini memberi tumpuan kepada bentuk dan fungsi sintaksis KGND, dengan mengambil kira konteks penggunaan dalam wacana lisan masyarakat penutur. Melalui analisis ini, kajian berusaha untuk mengenal pasti corak struktur ayat, kedudukan KGND dalam susunan sintaksis, serta peranan linguistiknya dalam menzahirkan hubungan sosial dan identiti komuniti penuturnya. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan dokumentasi bahasa Sungai sedia ada serta memperkaya pemetaan bahasa-bahasa di Sabah.

## METODOLOGI

Kajian ini menumpukan kepada bahasa Sungai yang dituturkan di kawasan Labuk-Sugut. Istilah Labuk-Sugut sebenarnya merujuk kepada kawasan Sungai Labuk dan Sungai Sugut yang kini berada dalam daerah Beluran, salah satu pusat utama penuturan bahasa Sungai. Dari segi sejarah, nama Labuk-Sugut ini berasal daripada pentadbiran awal British North Borneo Chartered Company. Walaupun tidak lagi digunakan secara rasmi pada masa ini, istilah tersebut tetap relevan dalam kajian linguistik kerana dokumentasi awal bahasa Sungai bertitik tolak dari kawasan ini. Sumber utama data kajian ini berasaskan data sedia ada iaitu buku *Sungai Language Lesson* oleh King dan King (1985), yang menghimpunkan rakaman perbualan harian penutur jati bahasa Sungai di kawasan Labuk-Sugut. Perbualan tersebut berkisar tentang aktiviti harian masyarakat Sungai, termasuk hal berkaitan musim/cuaca, kegiatan menangkap ikan, aktiviti pertanian, serta interaksi sosial dalam kehidupan seharian. Pemilihan sumber ini signifikan kerana ia mengandungi data linguistik autentik yang membolehkan analisis dijalankan berdasarkan penggunaan sebenar dalam komunikasi harian. Selain itu, dokumentasi oleh King dan King (1985) turut berperanan sebagai titik rujukan awal yang membolehkan pengkaji menelusuri bentuk dan fungsi KGND dari perspektif sejarah mahupun kontemporari.

Dari segi skop, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut sahaja, tanpa melibatkan variasi lain seperti bahasa Sungai di Kinabatangan atau Pitas. Skop kajian juga difokuskan kepada KGND dan tidak mencakupi kata ganti nama tunjuk atau kata ganti nama tanya. Data dianalisis secara deskriptif dengan meneliti ayat-ayat yang mengandungi KGND dalam pelbagai struktur ayat, termasuk ayat penyata, ayat tanya, dan ayat perintah. Selanjutnya setiap bentuk KGND dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut kategori sama ada orang pertama, kedua, ketiga, bentuk tunggal atau jamak, serta fungsi sintaksisnya. Untuk memastikan ketepatan, setiap entri ayat disemak berulang kali bagi menjamin terjemahan yang sahih, dengan memberi penekanan terhadap bentuk asal data. Melalui kaedah ini, kajian ini dapat mengenal pasti corak penggunaan KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut, dan sekali gus melaksanakan analisis bentuk dan fungsi KGND secara sistematik dan berasaskan konteks. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan ketepatan analisis, tetapi juga mengekalkan keaslian data linguistik yang mencerminkan penggunaan sebenar bahasa Sungai Labuk-Sugut. Dengan itu, metodologi kajian ini berperanan sebagai asas kukuh untuk penyelidikan lanjutan yang meneliti kesinambungan dan pelestarian bahasa Sungai dalam konteks kontemporari.

### **ANALISIS BENTUK DAN FUNGSI SINTAKSIS KATA GANTI NAMA DIRI BAHASA SUNGAI LABUK-SUGUT**

KGND merupakan komponen penting dalam sistem rujukan sesebuah bahasa, yang berfungsi untuk menggantikan nama orang atau pihak tertentu dalam perbualan. KGND terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu KGND orang pertama, kedua, dan ketiga. Menurut Asmah (2009), kata ganti nama ialah kata yang berdiri di tempat kata nama dan boleh berfungsi di kedudukan subjek dan objek dalam ayat. Hal ini menunjukkan bahawa KGND bukan sahaja berperanan dari segi makna rujukan, tetapi juga memainkan peranan dalam ayat dari segi fungsi sintaksisnya. Dalam konteks ini, fungsi sintaksis merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh unsur tertentu dalam struktur ayat, khususnya dalam hubungannya dengan kata kerja, seperti subjek, objek, dan pelengkap (Comrie, 1989). Justeru, analisis terhadap KGND perlu mengambil kira kedudukannya dalam struktur sintaksis bagi memahami sepenuhnya fungsinya dalam ayat.

Sehubungan itu, perbincangan dalam bahagian ini akan memfokuskan bentuk KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut, berdasarkan dokumentasi King dan King (1985). Dengan meneliti kehadiran KGND dalam pelbagai jenis ayat dalam komunikasi penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut, bahagian ini akan membincangkan bagaimana KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut berfungsi bukan sahaja sebagai unsur tatabahasa, tetapi juga sebagai penanda identiti dan kedekatan dalam interaksi harian komuniti penuturnya. Berdasarkan analisis terhadap sumber data bahasa Sungai yang didokumentasikan oleh King dan King (1985), sejumlah 16 bentuk KGND telah dikenal pasti dalam variasi bahasa Sungai Labuk-Sugut, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Senarai KGND dalam Bahasa Sungai Labuk-Sugut

No.	Bentuk KGND	Tunggal	Jamak	Bahasa Melayu
1	<i>aku</i>	√	-	aku (saya)
2	<i>ku</i>	√	-	ku
3	<i>kito</i>	-	√	kita
4	<i>mai</i>	-	√	kita/kami punya
5	<i>kai</i>	-	√	kita
6	<i>toko</i>	-	√	kita
7	<i>ko</i>	√	-	kau
8	<i>kou</i>	-	√	kamu
9	<i>ikau</i>	√	-	engkau
10	<i>dikau</i>	√	-	engkau
11	<i>mu</i>	√	-	mu
12	<i>muyu</i>	-	√	kamu semua/kalian
13	<i>nio</i>	√	-	dia (lelaki/wanita)
14	<i>io</i>	√	-	dia (lelaki/wanita)
15	<i>siro</i>	-	√	mereka
16	<i>nosiro</i>	-	√	mereka

Jadual 1 memaparkan senarai KGND yang digunakan dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut. KGND merupakan unsur penting dalam sistem rujukan namaan kerana ia berfungsi menandakan orang pertama, kedua, dan ketiga sama ada dalam bentuk tunggal atau jamak. Berdasarkan Jadual 1, KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut terbahagi kepada tiga jenis utama, iaitu KGND pertama *aku*, *ku*, *kito*, *mai*, *kai*, dan *toko*; KGND kedua *ko*, *kou*, *ikau*, *dikau*, *mu*, dan *muyu* dan KGND ketiga *nio*, *io*, *siro*, dan *nosiro*. Perincian bentuk dan fungsi setiap kategori KGND tersebut akan dihuraikan dalam bahagian perbincangan yang selanjutnya.

### KGND Pertama Bahasa Sungai Labuk-Sugut

KGND pertama merujuk kepada penutur itu sendiri, sama ada secara individu atau sebagai sebahagian daripada kumpulan. Dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut, KGND pertama mempunyai beberapa bentuk yang bukan sahaja menunjukkan bilangan (tunggal atau jamak), tetapi juga membezakan antara bentuk inklusif dan eksklusif, serta menandakan pemilikan dalam perbualan. Ciri-ciri ini mencerminkan kepekaan sosial dan struktur komuniti penutur, kerana pilihan bentuk KGND pertama lazimnya bergantung pada konteks interaksi, tahap keakraban, dan kedudukan penutur dalam perbualan. Bentuk-bentuk KGND pertama dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut diperincikan melalui Jadual 2 yang berikut:

JADUAL 2. KGND Pertama Bahasa Sungai Labuk-Sugut

No.	Bentuk KGND Pertama	Tunggal/Jamak	Jenis Rujukan	Fungsi Sintaksis
1	<i>aku</i> (aku/saya)	Tunggal	Diri sendiri	Subjek
2	<i>ku</i> (ku)	Tunggal	Diri sendiri	Penanda milik/kepunyaan
3	<i>kito</i> (kita)	Jamak	Inklusif	Subjek
4	<i>mai</i> (kami punya)	Jamak	Eksklusif	Penanda milik/kepunyaan
5	<i>kai</i> (kami)	Jamak	Inklusif	Subjek
6	<i>toko</i> (kita)	Jamak	Inklusif	Penanda milik/kepunyaan

Jadual 2 memaparkan enam bentuk KGND pertama dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut iaitu, *aku*, *ku*, *kito*, *kai*, *mai*, dan *toko*. Bentuk tunggal seperti *aku* dan *ku* digunakan untuk merujuk kepada diri sendiri penutur secara langsung, dengan fungsi sintaksis sama ada sebagai subjek atau penanda milik. Sementara itu, bentuk jamak seperti *kito*, *kai*, *mai*, dan *toko* menunjukkan perbezaan antara rujukan inklusif dan eksklusif. Perbincangan yang seterusnya menunjukkan bagaimana penggunaan bentuk-bentuk KGND pertama dalam ayat-ayat bahasa Sungai Labuk-Sugut.

- (1) *Momoli **aku** nu pait.*  
membeli aku ikan  
Aku membeli ikan. (Terjemahan BM)
- (2) *Sumambat aku nu una '**ku** no.*  
melawat aku kawanku  
Aku melawat kawanku. (Terjemahan BM)
- (3) *Lolaing**ku** tu dai molo tumiti.*  
anakku itu tidak mahu menyusu  
Anakku itu tidak mahu menyusu. (Terjemahan BM)

(*Sungai Language Lesson*, King dan King, 1985)

Dalam ayat (1), *Momoli **aku** nu pait*, KGND *aku* berfungsi sebagai subjek aktif yang mendahului objek *pait* (ikan), dengan kata kerja aktif *momoli* (membeli) berada di awal ayat. KGND *aku* dalam ayat (1) menunjukkan kehadiran diri penutur secara langsung dalam perbualan. Oleh itu, bentuk *aku* bukan sahaja berfungsi secara sintaksis sebagai subjek, tetapi juga sebagai penanda kehadiran diri si pelaku perbuatan yang bersifat aktif, iaitu *momoli* (membeli). Dalam ayat (2), *Sumambat aku nu una '**ku** no*, frasa *una '**ku*** berfungsi sebagai penanda milik melalui bentuk klitik *ku*. Bentuk *ku* dalam ayat (2), memperlihatkan hubungan sosial antara penutur dan individu yang dirujuk. Dalam konteks ini, bentuk KGND *ku* yang ditambah pada kata nama *una'* (kawan), membentuk frasa *una '**ku*** "kawanku", menunjukkan bahawa individu tersebut merupakan seseorang yang telah dikenali secara peribadi dan mempunyai ikatan akrab dengan penutur dan bukannya sekadar rujukan umum. Satu ciri yang ketara dalam ayat (1) dan (2), iaitu kata kerja dalam kedua-dua ayat tersebut berada di posisi awal ayat atau berpola S-K-O (Kata Kerja-Subjek-Objek). Pola ini menunjukkan keutamaan tindakan perbuatan (kata kerja di awal ayat) dalam



pertuturan, diikuti oleh penutur sebagai pelaku, dan seterusnya diakhiri dengan objek yang terlibat. Ciri kata kerja yang berada di posisi awal ayat ini merupakan ciri yang lazim ditemui dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut (Kartini, 2025).

Seterusnya, contoh ayat (3) *Lolaingku tu dai molo tumiti*, menunjukkan peranan KGND *ku* sebagai klitik pemilikan yang digabungkan dengan kata nama *lolaing* (anak/bayi), lalu membentuk frasa *lolaingku* yang bermaksud “anakku”. Penggunaan KGND *ku* bukan sahaja menunjukkan fungsi gramatikal, tetapi juga mencerminkan hubungan kekeluargaan yang rapat antara penutur dan entiti yang dirujuk. Dari segi sintaksis, *ku* berperanan sebagai klitik pemilikan yang ditambah pada kata nama, manakala dari sudut semantik, ia menunjukkan hubungan pemilikan yang menandakan keterikatan emosi dan tanggungjawab sosial terhadap anak. Oleh itu, bentuk *ku* dalam frasa *lolaingku* menunjukkan bagaimana KGND ini berfungsi secara serentak sebagai unsur tatabahasa dan juga sebagai penanda hubungan sosial dalam perbualan harian penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut.

Selain KGND yang bersifat tunggal, KGND pertama yang bersifat jamak dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut diwakili oleh bentuk *kito*, *mai*, *kai* dan *toko*. Dalam sistem tatabahasa, jamak merujuk kepada kategori bilangan yang menandakan lebih daripada satu unsur atau lebih daripada dua (Ramli et al., 1997). Kehadiran bentuk jamak ini mengungkapkan bagaimana bahasa Sungai Labuk-Sugut membezakan antara rujukan individu dengan rujukan kolektif, dan sekali gus mencerminkan aspek sosial dalam komunikasi harian penuturnya. Beberapa contoh ayat yang berikut menunjukkan penggunaan KGND pertama jamak dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut.

- (4) *Oworong o bang kaalap kito yo nu pait tawi.*  
bagus jika kita dapat ikan tapah  
Bagus, jika kita dapat ikan tapah. (Terjemahan BM)
- (5) *Mian aku so kabun mai no.*  
pergi aku ke kebun kami  
Aku pergi ke kebun (milik) kami. (Terjemahan BM)
- (6) *Kai momakai nu sungoi nu uran, tapi olaid o dai minuran.*  
kami mahu memakai air hujan, tetapi lama tidak hujan  
Kami mahu menggunakan air hujan, tetapi tidak hujan (sejak) sekian lama.  
(Terjemahan BM)
- (7) *Maid toko ya nu alud no.*  
pergi kita dengan bot  
Kita pergi dengan bot. (Terjemahan BM)

(*Sungai Language Lesson*, King & King, 1985)

Contoh ayat (4), *Oworong o bang kaalap kito yo nu pait tawi*, menunjukkan peranan KGND *kito* sebagai bentuk jamak yang bersifat inklusif. Dalam konteks ini, *kito* merujuk kepada situasi di mana penutur bersama pendengar atau pihak lain turut serta dalam tindakan yang dirujuk (Haspelmath & Michaelis, 2013). Kedudukan KGND *kito* selepas kata kerja *kaalap* (dapat), menunjukkan bahawa penutur dan pendengar bersama-sama mengharap akan memperoleh ikan tapah. Dari sudut sintaksis, *kito* berfungsi sebagai subjek jamak yang melaksanakan tindakan,

manakala dari sudut semantik, ia menandakan keterlibatan bersama dalam harapan atau niat kolektif. Penggunaan bentuk inklusif ini menunjukkan kerjasama dan kebersamaan dalam interaksi sosial penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut.

Sebaliknya dalam ayat (5), *Mian aku so kabun mai no*, KGND *mai* (kami) berperanan sebagai penanda milik jamak yang bersifat eksklusif. Ganti nama berunsur eksklusif merujuk kepada penutur dan kumpulannya sahaja, tanpa melibatkan pendengar dalam rujukan tersebut (Haspelmath & Michaelis, 2013). Dalam konteks ayat ini, *mai* mengikuti frasa kabun (kebun) dan berfungsi sebagai penanda pemilikan, yang menunjukkan bahawa kebun tersebut dimiliki oleh kumpulan penutur secara kolektif, namun tidak termasuk pihak pendengar sebagai pemilik. Dari sudut sintaksis, *mai* bertindak sebagai klitik pemilikan yang ditambahkan pada kata nama, manakala dari sudut semantik, ia menandakan hak milik yang terhad kepada komuniti penutur. Penggunaan bentuk eksklusif ini menunjukkan bahawa penutur hanya merujuk kepada kumpulannya sendiri tanpa melibatkan pendengar.

Selanjutnya dalam ayat (6), *Kai momakai nu sungoi nu uran, tapi olaid o dai minuran,* KGND *kai* (kami) berfungsi sebagai subjek jamak yang bersifat inklusif, yang merujuk kepada penutur dan pendengar sebagai satu komuniti yang berkongsi pengalaman dan keperluan bersama. Dari sudut sintaksis, *kai* muncul di awal ayat diikuti kata kerja *momakai*, dan menunjukkan fungsinya sebagai subjek. Penggunaan *kai* dalam konteks ini bukan sahaja menyampaikan makna tatabahasa, tetapi juga mengandungi nilai sosial yang mendalam, iaitu menzahirkan semangat kebersamaan dalam menghadapi cabaran harian seperti kekurangan air semasa musim kemarau. Dalam masyarakat kampung yang bergantung kepada sumber semula jadi seperti air hujan, ayat ini menjadi cerminan realiti kehidupan yang terikat kepada kitaran alam. Justeru, pemilihan KGND ini menggambarkan bagaimana bahasa menjadi medium untuk mengungkapkan pengalaman bersama komuniti yang berkait dengan musim atau fenomena alam.

Dalam contoh ayat (7), *Maid toko ya nu ahud no,* KGND *toko* (kita) berperanan menandakan pemilikan jamak yang bersifat inklusif, sekali gus menunjukkan keterlibatan kolektif penutur dalam tindakan yang dirujuk. Unsur inklusif ini menandakan bahawa tindakan “pergi dengan bot” bukan sahaja melibatkan penutur, tetapi juga pendengar sebagai sebahagian daripada kumpulan yang sama. Dari sudut sintaksis, *toko* hadir selepas kata kerja *maid* (pergi), dan berperanan sebagai subjek jamak yang melaksanakan tindakan tersebut. Struktur ini mencerminkan susunan ayat bahasa Sungai Labuk-Sugut yang lazimnya meletakkan kata kerja di awal ayat, diikuti oleh subjek dan pelengkap. Penggunaan KGND *toko* menggambarkan bagaimana KGND digunakan untuk menandai hubungan sosial yang erat, mengekspresikan pemilikan dan tindakan secara kolektif dalam budaya masyarakat penutur. Selain itu, bentuk inklusif seperti *toko* juga berperanan dalam membina solidariti komuniti, kerana ia menekankan keterlibatan bersama dalam aktiviti harian dan memperkukuh rasa kebersamaan antara penutur dan pendengar.

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian ini, dapat dirumuskan bahawa KGND pertama dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut mempunyai kepelbagaian bentuk dan fungsi yang mencerminkan fungsinya dalam menandakan bilangan, keterlibatan pendengar, serta hubungan sosial dalam pertuturan. Bentuk tunggal seperti *aku* dan *ku* menandakan kehadiran diri secara eksplisit serta hubungan peribadi yang bersifat langsung, antara penutur dan tindakan atau pernyataan yang disampaikan. Kedua-dua bentuk ini juga memiliki padanan yang jelas dengan bentuk KGND *aku* dan *ku* dalam bahasa Melayu. Hal ini sekali gus menunjukkan kemungkinan wujudnya pengaruh silang antara bahasa peribumi dan bahasa Melayu. Malah, bentuk KGND *aku*

dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut menunjukkan persamaan dengan bahasa Tombonuo, yang menurut Minah (2023), juga menggunakan bentuk *aku* sebagai KGND orang pertama tunggal.

Sebaliknya, bentuk jamak seperti *kito*, *mai*, *kai*, dan *toko*, memperlihatkan pelbagai lapisan hubungan sosial antara penutur dan pendengar. Perbezaan antara bentuk *kito*, *kai*, dan *toko* yang bersifat inklusif dengan bentuk *mai* yang bersifat eksklusif, mencerminkan sistem rujukan yang menandakan sama ada pendengar termasuk atau tidak dalam kelompok penutur. Dalam bentuk inklusif, penutur menggabungkan pendengar sebagai sebahagian daripada tindakan atau pemilikan, manakala dalam bentuk eksklusif, pendengar dikecualikan daripada rujukan tersebut.

Perbezaan ini bukan sahaja berfungsi secara sintaktik dalam struktur ayat, tetapi juga membawa makna sosial yang penting dalam menzahirkan sempadan penutur dan kedekatan dalam interaksi harian. Fenomena ini sejajar dengan ciri-ciri lazim dalam bahasa Austronesia, termasuk bahasa Melayu dan bahasa peribumi Sabah yang lain, yang menunjukkan bahawa hampir semua bahasa dalam keluarga ini membezakan antara bentuk inklusif dan eksklusif, sebagai sebahagian daripada sistem pronominal mereka (Haspelmath & Michaelis, 2013).

### KGND Kedua Bahasa Sungai Labuk-Sugut

Jadual 3 menunjukkan senarai KGND kedua dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut. KGND kedua merujuk kepada kata ganti nama yang digunakan untuk merujuk pendengar atau pihak yang diajak berkomunikasi secara langsung. Sehubungan itu, KGND kedua dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut diwakili oleh bentuk *ko*, *kou*, *ikau*, *dikau*, *mu* dan *muyu*. KGND kedua dalam bahasa ini terbahagi kepada dua kategori bilangan, iaitu tunggal dan jamak dan masing-masing membawa fungsi sintaksis yang berbeza seperti subjek, objek, klitik dan penanda milik.

JADUAL 3. KGND Kedua Bahasa Sungai Labuk-Sugut

No.	Bentuk KGND Kedua	Tunggal/Jamak	Fungsi Sintaksis
1	<i>ko</i> (kau)	Tunggal	Subjek
2	<i>kou</i> (kau)	Tunggal	Subjek
3	<i>ikau</i> (engkau)	Tunggal	Objek selepas preposisi.
4	<i>dikau</i> (engkau)	Tunggal	Objek selepas kata ganti tunjuk .
5	<i>mu</i> (mu)	Tunggal	Klitik pemilikan pada kata nama.
6	<i>muyu</i> (kamu semua/kalian)	Jamak	Subjek dalam konteks rujukan kepada lebih daripada seorang pendengar.

Perbincangan yang selanjutnya menunjukkan bagaimana penggunaan bentuk-bentuk KGND kedua bahasa Sungai Labuk-Sugut ini, menerusi ayat (8) hingga (12) yang berikut. Analisis terhadap ayat-ayat ini akan memperincikan variasi fungsi KGND kedua sebagai subjek, objek preposisional, penanda milik, dan klitik, sekali gus menunjukkan kepelbagaian sistem kata ganti nama bahasa ini dalam interaksi masyarakat penuturnya.

- (8) *Sanang-sanang mulili ko tuui.*  
senang-senang balik kau sini  
Senang-senang (ada masa lapang), kau balik ke sini. (Terjemahan BM)

- (9) *Sombia kou ka mululi so Sandakan?*  
bila kau akan balik ke Sandakan?

Bila kau akan balik ke Sandakan? (Terjemahan BM)

- (10) *Mangapon aku om ikau.*  
memancing ikan aku dengan engkau  
Aku (akan) memancing ikan dengan engkau. (Terjemahan BM)
- (11) *Ongoyo goloyo (tobu) tu dikau songapan.*  
ambillah gula tebu ini untuk engkau  
Ambillah gula tebu ini untuk engkau sendiri. (Terjemahan BM)
- (12) *Onu ka nu jinis moumbusmu no?*  
apa jenis sayuranmu?  
Apa jenis sayuranmu? (Terjemahan BM)
- (13) *Siambo ka ingkiat muyu?*  
dari mana kamu semua datang?  
Kamu semua datang dari mana? (Terjemahan BM)

(*Sungai Language Lesson*, King & King, 1985)

Dalam ayat (8), *Sanang-sanang mulili ko tuui*, KGND *ko* (kau) merujuk kepada orang kedua tunggal dan berfungsi sebagai subjek yang paling asas dalam struktur ayat, tanpa penanda tambahan atau pengubah sintaksis. Kedudukan *ko* selepas kata kerja *mulili* (balik) menunjukkan susunan ayat yang ringkas dan langsung, sesuai dengan nada santai dan mesra yang ingin disampaikan oleh penutur. Dari segi makna, ayat ini membawa maksud jemputan yang bersifat tidak formal, ditujukan kepada pendengar yang mempunyai hubungan rapat dengan penutur, seperti ahli keluarga atau rakan sekampung.

Sebaliknya, dalam ayat (9), *Sombia kou ka mululi so Sandakan?*, KGND *kou* (kau) digunakan sebagai bentuk kedua tunggal yang lebih eksplisit dan formal, yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat tanya. Kedudukan *kou* selepas kata tanya *sombia* (bila) dan sebelum frasa kerja *ka mululi* (akan balik), menunjukkan struktur sintaksis yang lebih teratur dan sopan, sesuai untuk pertanyaan yang memerlukan kejelasan dan penghormatan. Penggunaan *kou* dalam konteks ini mencerminkan strategi pragmatik masyarakat Sungai dalam menyusun pertuturan yang beradab, terutamanya apabila bertanya tentang pergerakan atau rancangan seseorang.

Keseluruhannya, perbezaan antara *ko* dan *kou* bukan sahaja terletak pada bentuk dan fungsi sintaksis, tetapi juga pada tahap keformalan dan hubungan sosial yang ingin disampaikan dalam interaksi lisan harian penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut.

Dalam ayat (10) *Mangapon aku om ikau*, KGND kedua *ikau* (engkau) merujuk kepada pendengar yang turut serta dalam aktiviti memancing bersama penutur. Dari sudut sintaksis, *ikau* berfungsi sebagai objek preposisional (prepositional object) atau objek oblik (oblique object), iaitu kata ganti nama yang hadir selepas kata hubung *om* (dengan), yang melengkapkan makna frasa tersebut. Menurut Aarts dan Aarts (1982), objek preposisional ialah kata nama atau kata ganti nama yang hadir selepas preposisi dan berfungsi sebagai pelengkap makna dalam frasa preposisional. Unsur ini lazimnya menunjukkan hubungan seperti lokasi, masa, arah, penerima, cara sesuatu tindakan dilakukan, atau maklumat tambahan lain. Dalam konteks ayat (10), *ikau* menunjukkan keterlibatan aktiviti secara langsung dalam tindakan *mangapon* (memancing), tanpa menjadi

pelaku utama atau penerima langsung tindakan tersebut. Penggunaan *ikau* dalam konteks ayat ini juga membawa nada mesra dan neutral, sesuai untuk situasi tidak formal yang melibatkan kerjasama atau hubungan rapat antara penutur dan pendengar.

Dalam ayat (11), *Ongoyo goloyo (tobu) tu dikau songapan*, struktur sintaksis dan pragmatiknya menggambarkan bentuk pemberian yang menekankan kepunyaan peribadi penerima. Dari sudut sintaksis, *dikau* hadir selepas penanda *tu* (ini), yang berfungsi sebagai kata ganti tunjuk kepada *goloyo* (gula). Oleh itu, KGND *dikau* berfungsi sebagai objek oblik, iaitu penerima tidak langsung yang melengkapkan makna tindakan *ongoyo* (ambillah). Kehadiran kata *songapan* ((memiliki), memperkuatkan makna bahawa pemberian tersebut adalah untuk kegunaan atau hak milik sendiri/peribadi si penerima. Dari segi pragmatik, penggunaan KGND *dikau* membawa konotasi kesantunan dan penghormatan, yang lazim digunakan dalam situasi yang memerlukan kehalusan bahasa, misalnya semasa menawarkan sesuatu kepada orang yang dihormati atau dalam interaksi yang menuntut adab sopan.

Selanjutnya ayat (12), *Onu ka nu jinis moumbusmu no?* menunjukkan penggunaan bentuk KGND *mu* dalam bentuk enklitik yang digabungkan secara langsung dengan kata nama *moumbus* (sayuran), lalu membentuk frasa milik *moumbusmu* yang bermaksud ‘sayuranmu’. Dalam struktur ini, *mu* berfungsi sebagai penanda milik kepada pendengar tunggal, dan tidak berperanan sebagai subjek atau objek ayat. Fenomena ini menunjukkan bahawa bahasa Sungai Labuk-Sugut membenarkan pembentukan frasa milik secara langsung melalui penggabungan enklitik dengan kata nama, iaitu satu ciri morfologi yang memperlihatkan kecekapan dalam menyatakan kepunyaan secara ringkas dan tepat.

Sementara itu, dalam ayat (13) *Siambo ka ingkiat myyu?*, KGND *muyu* (kamu semua/kalian) digunakan dalam konteks pertanyaan yang ditujukan kepada sekumpulan pendengar. Bentuk *muyu* dalam ayat ini berfungsi sebagai subjek dalam ayat tanya, menunjukkan bahawa bahasa Sungai Labuk-Sugut mempunyai sistem rujukan yang jelas terhadap bilangan dan mampu membezakan antara bentuk tunggal seperti *ko*, *kou*, *ikau*, *dikau* dengan bentuk jamak seperti *muyu*. Dari sudut sintaksis, *muyu* menandakan subjek jamak yang menjadi pelaku tindakan “datang”, manakala dari sudut semantik, ia menegaskan keterlibatan kolektif pendengar dalam aktiviti yang dirujuk. Penggunaan bentuk jamak ini juga mencerminkan kepekaan bahasa Sungai Labuk-Sugut terhadap perbezaan jumlah peserta dalam komunikasi, sekali gus mencerminkan nilai sosial yang menekankan kebersamaan dan pengiktirafan terhadap kumpulan pendengar sebagai entiti yang lengkap.

Secara keseluruhannya, KGND kedua dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut diwakili oleh bentuk *ko*, *kou*, *ikau*, *dikau*, *mu*, dan *muyu*. Setiap bentuk ini memaparkan variasi dari segi bilangan, tahap keformalan, fungsi sintaksis seperti subjek, pelengkap, klitik, dan penanda milik. Kepelbagaian tersebut mencerminkan kekayaan sistem kata ganti nama bahasa Sungai Labuk-Sugut, di samping menunjukkan kepekaan sosial dan pragmatik yang wujud dalam interaksi lisan masyarakat penuturnya.

### **KGND Ketiga Bahasa Sungai Labuk-Sugut**

Jadual 4 menunjukkan bentuk KGND ketiga dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut. KGND ketiga merujuk kepada pihak yang tidak terlibat secara langsung dalam interaksi komunikasi, sama ada sebagai penutur mahupun pendengar. Sejumlah empat bentuk KGND ketiga telah dikenal pasti, iaitu *nio*, *io*, *siro*, dan *nosiro*. Keempat-empat bentuk ini memaparkan sistem rujukan yang

membezakan antara bilangan tunggal dan jamak, serta menunjukkan keupayaan bahasa tersebut untuk menyatakan rujukan pihak ketiga secara tepat dalam pelbagai konteks makna.

JADUAL 4. KGND Ketiga Bahasa Sungai Labuk-Sugut

No.	Bentuk KGND Ketiga	Tunggal/Jamak	Fungsi Sintaksis
1	<i>nio</i> (dia)	Tunggal	Subjek
2	<i>io</i> (dia)	Tunggal	Subjek
3	<i>siro</i> (mereka)	Jamak	Objek yang mendahului unsur preposisi.
4	<i>nosiro</i> (mereka)	Jamak	Subjek

Perbincangan yang berikutnya menunjukkan penggunaan bentuk-bentuk KGND ketiga bahasa Sungai Labuk-Sugut menerusi contoh ayat yang berikut. Analisis terhadap ayat-ayat ini menjelaskan bagaimana KGND ketiga berfungsi secara fleksibel sama ada sebagai subjek, objek selepas preposisi, atau penanda keterlibatan sosial, sekali gus menegaskan peranan pentingnya dalam struktur sintaksis dan interaksi lisan masyarakat penutur.

- (14) *Komuro koloid nio tuui?*  
berapa lama dia tinggal sini  
Berapa lama dia (akan) tinggal di sini? (Terjemahan BM)
- (15) *Landu lumaa io.*  
sangat takut dia  
Dia sangat takut. (Terjemahan BM)
- (16) *Dai kai ya maid so siro mongapon.*  
tidak kami pergi dengan mereka menangkap ikan  
Kami tidak pergi menangkap ikan dengan mereka. (Terjemahan BM)
- (17) *Momoli nosiro nu sigup.*  
membeli mereka *sigup*  
Mereka membeli *sigup* (rokok gulung). (Terjemahan BM)

(*Sungai Language Lesson*, King & King, 1985)

Dalam ayat (14) *Komuro koloid nio tuui*, KGND *nio* (dia) berfungsi sebagai subjek tunggal yang merujuk kepada pihak ketiga. Kedudukannya selepas frasa *koloid* (tinggal) menunjukkan bahawa *nio* ialah pelaku tindakan dalam ayat tanya ini. Struktur ayat (14) menunjukkan susunan kata kerja diikuti oleh subjek, yang merupakan ciri biasa dalam bahasa Sungai. Dari sudut pragmatik, penggunaan *nio* bersifat neutral dan tidak menandakan jantina secara eksplisit, sesuai dengan bentuk KGND ketiga yang tidak membezakan lelaki atau wanita. Sementara itu, dalam ayat (15) *Landu lumaa io*, KGND *io* juga berfungsi sebagai subjek tunggal yang merujuk kepada pihak ketiga. Kedudukannya di akhir ayat selepas frasa adjektif *landu lumaa* (sangat takut), menunjukkan bahawa *io* ialah entiti pengalami yang mengalami rasa takut tersebut. Struktur ini menunjukkan pola ayat penyata dengan subjek muncul selepas predikat, satu lagi ciri sintaksis yang konsisten dalam bahasa peribumi ini.

Seterusnya dalam ayat (16), *Dai kai ya maid so siro mongapon*, KGND *siro* (mereka) hadir selepas preposisi *so* (dengan) dan berfungsi sebagai objek preposisional. Dalam konteks ini, *siro* bukanlah pelaku utama tindakan *maid* (pergi), tetapi berperanan sebagai entiti sosial yang dirujuk dalam aktiviti tersebut. Ayat ini menandakan penolakan terhadap penyertaan bersama dalam aktiviti menangkap ikan, dan penggunaan *siro* menunjukkan hubungan antara subjek *kai* (kami) dengan pihak ketiga yang tidak disertakan dalam tindakan tersebut. Struktur ini sekali gus menunjukkan bagaimana KGND ketiga digunakan untuk menandai jarak sosial antara penutur dan kumpulan luar, serta menegaskan sempadan penyertaan sesuatu aktiviti dalam interaksi masyarakat penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut. Akhir sekali dalam ayat (17), *Momoli nosiro nu sigup*, KGND *nosiro* (mereka) berfungsi sebagai subjek aktif dalam ayat penyata. Ia mendahului partikel objek *nu*, yang menandakan bahawa tindakan membeli, melibatkan objek langsung iaitu *sigup* (rokok gulung). Struktur ini juga memperlihatkan pola ayat transitif yang lengkap, dengan *nosiro* sebagai pelaku tindakan dan *sigup* sebagai objek.

Secara keseluruhan, bahagian ini membincangkan kepelbagaian bentuk dan fungsi KGND ketiga bahasa Sungai Labuk-Sugut (*nio*, *io*, *siro*, dan *nosiro*). KGND ketiga digunakan secara fleksibel dalam ayat bahasa Sungai, sebagai subjek, objek preposisional, atau penanda emosi. Hal ini menunjukkan kemampuan sistem ganti nama bahasa peribumi ini dalam membezakan peranan pihak ketiga dalam ayat, manakala dari aspek semantik pula, ia menandakan jarak sosial antara penutur dengan pihak yang dirujuk, sama ada sebagai individu yang terpisah, kumpulan yang lebih besar, atau entiti yang tidak hadir dalam interaksi.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah meninjau bentuk dan fungsi sintaksis KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut, dengan menekankan kepelbagaian bentuk rujukan diri yang bukan sahaja mencerminkan struktur gramatikal, tetapi juga mengungkap makna sosial dan identiti kolektif penutur bahasa Sungai Labuk-Sugut. Berdasarkan analisis terhadap data dokumentasi perbualan harian bahasa Sungai Labuk-Sugut, sebanyak 16 bentuk KGND telah dikenal pasti merangkumi kategori KGND pertama (*aku*, *ku*, *kito*, *kai*, *mai*, dan *toko*), KGND kedua (*ko*, *kou*, *ikau*, *dikau*, *mu*, dan *muyu*), serta KGND ketiga (*nio*, *io*, *siro*, dan *nosiro*). Bentuk-bentuk KGND ini berfungsi sebagai subjek, objek dalam preposisi, penanda milik, dan klitik, mewakili bentuk tunggal mahupun jamak, termasuklah menunjukkan perbezaan antara bentuk inklusif dan eksklusif. KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut turut berperanan penting sebagai penanda keterlibatan sosial yang tersirat, menggambarkan bagaimana bahasa ini menjadi medium untuk menzahirkan hubungan, kepunyaan, dan pengalaman bersama dalam kehidupan harian masyarakat penutur bahasa Sungai.

Kajian ini merupakan usaha awal mengkaji bahasa Sungai, berasaskan data dokumentasi terdahulu oleh King dan King (1985). Walaupun dapatan ini tidak mewakili sepenuhnya penggunaan KGND bahasa Sungai Labuk-Sugut yang bersifat kontemporari pada masa ini, namun ia tetap menjadi titik permulaan penting untuk menilai kesinambungan atau peralihan bentuk KGND bahasa ini dalam landskap linguistik semasa. Selain itu, kajian ini juga memperkukuh usaha pendokumentasian bahasa peribumi di Sabah, khususnya dalam memperluas skop kajian ke kawasan Labuk-Sugut yang sebelum ini kurang diberi perhatian dalam kajian sintaksis. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Nur Faaizah dan Santrol (2023), dokumentasi bahasa peribumi berperanan sebagai panduan dan rujukan kepada generasi akan datang, terutamanya dalam menghadapi arus pemodenan dan perubahan sosial.

Kajian lanjut terhadap bentuk KGND dalam bahasa Sungai Labuk-Sugut wajar dijalankan, untuk mengenal pasti sama ada berlaku atau tidaknya perubahan KGND bahasa ini dari segi bentuk, fungsi, atau konteks penggunaannya. Hal ini penting memandangkan pengaruh berterusan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi utama dalam pelbagai domain sosial penutur di Sabah (Saidatul & Alice, 2021), turut mempengaruhi bahasa peribumi. Seperti yang dinyatakan oleh Noor Aina Dani dan Syeril Patricia Kining (2016), bahasa peribumi utama di Sabah seperti Kadazandusun telah menunjukkan perubahan dari segi bentuk dan fungsi. Maka, tidak mustahil bahasa Sungai juga turut mengalami keadaan yang sama. Oleh itu, penyelidikan lanjut terhadap KGND bahasa Sungai bukan sahaja dapat mengesahkan sama ada berlaku kesinambungan atau peralihan, tetapi juga menyumbang kepada usaha pelestarian bahasa peribumi ini agar terus kekal relevan dalam arus perubahan semasa.

### PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, di bawah geran GGP-2017-051. Segala kekurangan atau kesilapan yang terdapat dalam makalah ini adalah sepenuhnya tanggungjawab penulis.

### RUJUKAN

- Aarts, F., & Aarts, J. 1982. *English Syntactic Structures: Functions and Categories*. Oxford: Pergamon Press.
- Abdul Hamid Ahmad. 1993. *Fonologi Bahasa Bahasa Sungai di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2004. *Ensiklopedia Bahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat & Aone Van Engelenhoven. 2024. Keindahan Bentuk Puisi Etnik Peribumi di Sabah. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol.35, Isu 2, 67–85.
- Comrie, B. 1989. *Language Universals and Linguistic Typology: Syntax and Morphology* (Edisi ke-2). Oxford: Basil Blackwell.
- Haspelmath, M., & Michaelis, S, M (Eds.). 2013. APiCS Online. Chapter 15: *Inclusive/Exclusive Distinction in Independent Personal Pronouns*. Max Planck Institute for Evolutionary Anthropology. Muat turun 14 November 2025, dari <https://apics-online.info/parameters/15.chapter.html>
- Kartini Abd Wahab & Maslida Yusof. 2023. Pemanfaatan Teks Naratif Lisan sebagai Sumber Data Analisis Bahasa Bahasa Sungai. Prosiding, Seminar Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (SEBAHTERA) 2023, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 13-23, Disember.
- Kartini Abd Wahab. 2025. Identiti Sintaksis Bahasa Bahasa Minoriti: Dominasi Kerja Kerja di Awal Ayat Bahasa Bahasa Sungai Labuk-Sugut dan Cabaran Pelestariannya. Bahan pembentangan, Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia (SKIM) XIX 2025, Bandung, UNPAD, 8-9 Oktober.
- King, J. & King, J. 1984. *Languages of Sabah: A Survey Report*. SIL International Publications 1(1), 1-120.



- King, J. & King, J. 1985. *Sungai Language Lesson*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- King, J. & King, J. 1990. *Sungai Tombunuo Folk Tales*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah.
- King, J. & King, J. 1992. *Kamus Kigambar: Sungai/Tambunuo*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah.
- Miller, Carolyn. 1981. Lexicostatistical Classification of the Languages of Sabah. *SIL Working Papers*, 3(2), 23-56.
- Minah Sintian. 2023. Bahasa Bahasa Tombonuo dan Mangkaak: Dalam Keluarga Bahasa Bahasa yang Sama Rumpun. *Jurnal Persuratan Melayu*, Vol.11 (2), 1-13.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga.
- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. 2016. Impak Dialek Melayu Sabah ke atas Bahasa Bahasa Ibunda Generasi Muda Etnik Kadazandusun. *IMAN: Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 4 (2), 45-55.
- Nur Faaizah Md Adam & Santrol Abdullah (Pnyt.). 2023. *Dialektologi Bahasa Bahasa Peribumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir & Noor Ein Haji Mohd. Noor. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosazman Hussin. 2012. Identiti Orang Sungai Berasaskan Bahasa Bahasa Paintanik dan Sejarah Petempatan Awal di Hilir Kinabatangan. Dlm. Rosazman Hussin, Jalihah Md. Shah, & Dayu Sansalu (Pnyt.), *Orang Sungai* (hlm.1-10). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia; Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Alice Lim. 2021. Kata-Kata Etnik sebagai Identiti Penutur Dialek Melayu Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(3): 65-75.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee. 2022. Domain dan Pemilihan Bahasa Bahasa Generasi Muda Murut di Daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(3), 119–138.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2024. Faktor Peralihan Bahasa Bahasa dalam Masyarakat Murut di Sabah. *Jurnal Melayu*, 23(1), 1-15.
- Sitti Rahmah Hj. Ibrahim. 2015. *Daftar Kata Bahasa Bahasa Sungai Paitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Bahasa dan Pustaka.

#### **Biodata Penulis:**

**Kartini Abd Wahab**, Ph.D., merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah linguistik (Sintaksis).

**Maslida Yusof**, Ph.D., merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik bahasa Melayu.